

Konsep "negara kebajikan" tidak untuk Malaysia

30 MAR 1984

KUALA LUMPUR 29 Mac — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad petang ini menegaskan bahawa rakyat 'negara ini tidak harus membenarkan diri mereka terpengaruh oleh konsep "negara kebajikan" yang tidak terhad.

Sekiranya pengaruh itu dibenarkan, mercial hidup mereka, kitanya keluarga sebagai satu unit masyarakat serta sistem akhlak akan hancur.

Serentak dengan itu, Perdana Menteri juga menegaskan bahawa tindakan membasmis kemiskinan melalui pembayaran 'dole' atau subsidi sara hidup perlu dielakkan di negara ini.

Ketika membentangkan kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Keempat di Dewan Rakyat petang ini, beliau berkata pemberian 'dole' telah menyebabkan kemerosotan ekonomi beberapa buah negara Barat sehingga mereka tidak lagi dapat bersaing dengan negara lain.

"Sebenarnya apabila sahaja pendapatan dijamin, sama ada bekerja atau tidak, maka minat bekerja akan hilang. Dan sewaktu ekonomi negara merosot dan pendapatan kerajaan berkurangan, kadar pengangu-

ran dan "dole" akan bertambah," ujarnya.

Katanya, di Malaysia mereka yang tidak bekerja akan menjadi beban kepada keluarga dan oleh itu seseorang itu tidak suka menganggur dan menjadi beban kepada keluarganya.

"Sistem kekeluargaan atau extended family kita ini akan kekal dan menolong menstabilkan masyarakat dan negara. Keretakan sistem keluarga di Barat membawa kepada keruntuhan akhlak sehingga anak tidak lagi menghormati ibu bapa, orang muda tidak kenal orang tua dan institusi perkahwinan diketepikan.

"Balasan kepada keruntuhan akhlak sudahpun menjumpa dengan penyakit penyakit baru yang tidak dapat diubati yang menyerang masyarakat yang tidak berakhlak.

"Jika kita membenarkan diri kita dipengaruhi oleh konsep welfare state yang tidak terhad, akan hancurlah keluarga sebagai unit masyarakat serta sistem akhlak yang berpunca daripada hidup berkeluarga."

Katanya, Berhubung dengan subsidi pula, Perdana Menteri menegaskan bahawa dalam usaha untuk membasmis kemiskinan, yang lebih dipentingkan ialah membekal ilmu dan kemahiran dan kewujudan peluang serta rancangan yang akan membolehkan rakyat mendapat pendapatan dengan usaha mereka sendiri.

"Proses ini dapat dilihat, umpamanya daripada skim FELDA, di mana orang yang tidak memiliki tanah menjadi peneroka dalam rancangan. Anak kepada peneroka pula sudah berpeluang mendapat pelajaran hingga ke peringkat universiti.

"Pendapatan peneroka meningkat tetapi pendapatan anaknya meningkat lebih lagi dengan tenaga mereka sendiri setelah diberi asas dan peluang oleh kerajaan.

orang lain pula yang belum mendapat pertolongan," tambahnya.

Walau bagaimanapun, katanya, jika orang yang tidak memiliki tanah diberi elaun atau 'dole' kerana tidak ada pendapatan, masyarakat dan negara akan menanggung beban yang akan meningkat sepanjang masa.

"Di samping itu, dengan pengeluaran getah, kelapa sawit, minyak serta lain-lain, negara dapat menambah pendapatan yang boleh digunakan untuk menolong masa